


## SELEPAS PROSEDUR

- Pesakit mungkin merasa kurang selesa pada bahagian tekak untuk sementara waktu dan mengalami ketidakselesaan dibahagian perut (kembung) sejeurus sahaja selepas prosedur dilakukan akibat daripada udara yang dimasukkan ke dalam perut semasa prosedur dijalankan.
- Pesakit direhatkan di tempat pemulihan pesakit setelah selesai prosedur dalam masa 30 minit—1 jam ( Jika pesakit mendapat sedasi)
- Kakitangan wad akan di hubungi untuk mengambil pesakit dan pemerhatian lanjut dilakukan selebihnya di wad.
- Doktor akan memaklumkan keadaan pesakit kepada waris dan pemerhatian lanjut dilakukan selebihnya di wad.
- Kadar caj ERCP dijelaskan di wad



## KOMPLIKASI YANG MUNGKIN BERLAKU

- Secara umumnya prosedur dilakukan oleh pakar yang terlatih dan pengalaman. Risiko komplikasi untuk prosedur ERCP bergantung pada indikasi prosedur atau apa yang didapati semasa prosedur.
- Di antara komplikasi-komplikasi yang kemungkinan boleh berlaku ialah pendarahan yang teruk di tempat pembukaan duktus hempedu, inflamasi pada saluran pankreas (pankreatitis)
- Jika pesakit mengalami tanda-tanda seperti kerosakan pada bahagian abdomen /bahagian belakang dan kuat. Sila beritahu doktor/jururawat secepat mungkin.





**JIKA ANDA MEMPUYAI SEBARANG PERTANYAAN ATAU SEBARANG KERAGUAN SILA HUBUNGI PUSAT PERKHIDMATAN ENDOSKOPI ,TINGKAT 1,PUSAT PERUBATAN UKM**

**TEL;03-91455555 EXT: 7461/7462  
ISNIN-JUMAAT (2.00PTG-5.00PTG)**

# ERCP

**Endoscopic Retrograde  
Cholangio Pancreato graphy**

**PUSAT PERKHIDMATAN  
ENDOSKOPI  
PPUKM**




# APAKAH ITU ERCP?

## Endoscopic Retrograde Cholangio Pancreatography

Satu prosedur yang menggunakan videoscope yang dimasukkan melalui mulut Esofagus dan perut seterusnya ke dalam bahagian usus kecil (duodenum) untuk melihat bahagian saluran duktus hempedu (common bile duct) atau saluran pankreas melalui "ampulla of vater". Ia melibatkan saluran duktus hempedu (Common Bile duct), pundi hempedu (gallbladder) dengan memasukkan cecair kontras melalui gambaran imej x-ray.

### INDIKASI BAGI PESAKIT YANG MEMERLUKAN ERCP



Pesakit yang mengalami tanda-tanda dan gejala seperti:

- Sakit pada bahagian atas abdomen
- Jaundice
- 'High Bilirubin' kandungan bilirubin yang tinggi dalam darah
- Demam
- Penurunan berat badan/hilang selera makan
- Abdomen Ultrasound, Abdomen CT-Scan yang menunjukkan terdapat batu pada saluran hempedu.
- Untuk menentukan penyakit dalam saluran hempedu seperti :
  - \* Kehadiran batu dalam saluran hempedu/pundi hempedu
  - \* Penyempitan dalam saluran hempedu
  - \* Jangkitan dalam saluran hempedu
  - \* Inflamasi pada saluran pundi hempedu
  - \* Jangkitan pada saluran pankreas

### PERSEDIAAN PESAKIT SEBELUM ERCP

- Pesakit perlu dimasukkan ke wad terlebih dahulu, sekurang-kurangnya sehari sebelum prosedur.
- Persediaan yang perlu dilakukan di wad adalah mengikut senarai semak persediaan sebelum prosedur mengikut kriteria yang telah ditetapkan iaitu :
  - Pesakit perlu berpuasa sekurang-kurangnya 5 - 6 jam sebelum prosedur dijalankan (Bermula 12 tgh malam ).
  - Jika pesakit memakai gigi palsu pesakit perlu menanggalkan gigi tersebut bagi mengelakkan tertelan semasa prosedur dijalankan.
  - Pesakit dilarang memakai aksesori-aksesori perhiasan diri seperti jam tangan, barang kemas dan lain-lain. Untuk pesakit perempuan tidak dibenarkan memakai pakaian dalam. Simpan barangan peribadi seperti di wad sebelum prosedur dilakukan.
  - Pesakit dibenarkan mengambil ubatan rutin harian seperti ubat darah /jantung **kecuali ubat kencing manis** sebelum prosedur dijalankan dengan mengambil kuantiti **air kosong** yang sedikit bagi mengelakkan sebarang komplikasi.
  - Pengambilan darah di wad sebagai penyiasatan untuk mengesan abnormaliti perlu dilakukan di wad.

### Peringatan kepada pesakit:

- Adalah lebih baik jika pesakit memaklumkan kepada Pegawai Perubatan mengenai ubat-ubatan seperti ubat cair darah atau sebarang alahan dan alahan terhadap sebarang ubatan/kontras.



## PADA HARI PROSEDUR DIJALANKAN

1. Pesakit perlu menandatangani borang keizinan sebelum prosedur dijalankan.
2. Pesakit dihantar ke Pusat Perkhidmatan Endoskopi bersama katil dan laporan rekod pesakit disertakan.
3. Borang senarai semak perlu dibuat sebelum pesakit dihantar ke Pusat Perkhidmatan Endoskopi
4. Pesakit akan diletakkan dalam keadaan meniarap semasa prosedur dijalankan.
5. Tekak pesakit akan disembur dengan ubat anestetik setempat Xylocaine 10% yang akan membuatkan tekak berasa kebas
6. Pemberian ubat sedatif akan diberi mengikut keperluan pesakit melalui intravena yang telah dipasang.
7. Endoskop dimasukkan melalui mulut, esofagus dan perut seterusnya ke dalam duodenum
8. Seterusnya kontras akan dimasukkan ke dalam saluran duktus hempedu melalui "ampulla of vater" apabila telah dikenal pasti, gambaran x ray imej akan dilihat ketika kontras dimasukkan.
9. Prosedur ini mengambil masa lebih atau kurang 30 minit sehingga selesai.
10. Ketika prosedur berlangsung tahap keadaan pesakit diawasi melalui pemerhatian tanda vital iaitu tekanan darah, nadi, tahap kandungan O2.

